

Rakyat perlu usahakan sumber tempatan: PM

Terengganu bukti kemampuan dengan projek kilang nipah

Oleh **Zulkofli Jamaludin, Nazura Ngah dan Shaafani Ismail**

MARANG: Datuk Seri Abdul lah Ahmad Badawi mahu setiap hasil dan kekayaan sumber di sesuatu kawasan dimajukan oleh penduduk tempatan dan bukannya hanya dikuasai pengusaha besar.

Perdana Menteri berkata, menjadi tugas dan tanggungjawab pemimpin untuk memikirkan langkah bagi membolehkan penduduk menikmati hasil dan memperoleh pendapatan dengan memajukan sumbangan berkeajaan.

Katanya, dasar yang dilaksanakan Terengganu iaitu 'tiada halangan hanya peluang sudah jelas terbukti dengan pelbagai program pelaksanaan sehingga membolehkan impian rakyat menjadi realiti.

"Hari ini, pokok nipah boleh diusahakan dan memberikan pendapatan yang banyak serta dijadikan kawasan khusus untuk, industri nipah secara komersial.

"Kilang nipah yang didirikan di Marang ini misalnya dibina melalui ko-

operasi dan bukan oleh orang kaya dari luar Terengganu," katanya pada majlis perasmian Pusat Pengumpulan dan Pemerosan Nira Nipah, di Kampung Kelulut, dekat sini, semalam.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin dan Ahli Parlimen Marang yang juga Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman Bakar.

Abdullah berkata, rezeki yang boleh diwujudkan melalui kekayaan sumber mestilah mendapat penyertaan menyeluruh daripada penduduk di kawasan terbabit supaya ia dapat dinikmati bersama.

Mengenai "kepelbagaian produk yang boleh dihasilkan melalui nipah, Abdullah berkata kajian terperinci perlu dilaksanakan bagi memastikan ia dapat dipelbagaikan dan tidak hanya terhad kepada pengeluaran nira.

Beliau berkata, ada banyak produk lain yang boleh dihasilkan daripada pokok nipah, termasuk sabut daripada pelepah yang berpotensi untuk dimajukan untuk menambah pendapatan masyarakat setempat.

"Tuhan tidak menciptakan sesuatu tanpa memberikan manfaat. Apa yang penting adalah tiada lagi halangan yang ada hanya peluang," katanya.

Kilang Nira Nipah Kampung Kelulut, Marang, disertai 25 peserta yang juga ahli koperasi yang berdaftar dibawah Koperasi. Pekebun Nipah Marang Bhd yang diterajui Rosdi Ibrahim.

Kilang, berkenaan berupaya mengumpul dan memproses sehingga

50,000 botol nira segar sebulan.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan cek bantuan pembangunan Jabatan Pembangunan Koperasi bernilai RM100,000 kepada koperasi berkenaan.

Sementara itu pada sidang media selepas melawat tapak projek Taman Tamadun Islam di Pulau Wan Man, di sini, Perdana Menteri berkata, Peningkatan Malaysia (MAS) tidak akan menaikkan harga tambangnya jika tidak terdesak.

"Harga minyak sudah naik, untuk MAS terus beroperasi dengan tambang yang murah, ia akan rugi.

"Kita mesti memahami apa yang ada hubung kait dengan harga minyak akan menjadi lebih mahal dan mampukah kita tak naikkan harga tambang. Saya menganggap MAS sudah fikir habis (sebelum menaikkan tambang)," katanya.

Mengulas mengenai laporan lebih 10 orang kenamaan, termasuk pegawai besar kerajaan ditipu selepas dijanjikan projek besar, Abdullah berkata, orang kita cepat sungguh percaya dengan apa saja yang dikaitkan dengan kekayaan.

